SAJAK PESAN IBU BERIBU-RIBU

Padankan maksud sajak dengan rangkap yang di berikan.

Suatu hari penyajak melihat rakannya bersedih kerana telah ditinggalkan oleh kekasihnya. dia baru menyedari bahawa kekasihnya ialah seorang penipu dan telah ditangkap.	Rangkap 1
Ketika itu rakan penyajak menyedari bahawa dia telah mengabaikan pesanan ibunya agar berhati-hati dalam memilih sahabat. Setelah itu, penyajak mula menerima hakikat kebenaran pesanan ibunya dan merindui pesanan-pesanan ibunya itu.	Rangkap 2
Setiap orang anak mempunyai seorang ibu sahaja tetapi pesanan ibu kepada anak adalah banyak	Rangkap 3
Pesanan ibu kepada anak meliputi keseluruhan kehidupan anaknya. ibu berpesan agar anaknya rajin belajar supaya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan berhati-hati dalam memilih kawan. ibu juga berpesan agar anaknya mencari rakan yang baik dan menjauhi rakan yang boleh mempengaruhi anaknya melakukan perkara yang negatif. ibu berpesan lagi agar si anak berwaspada ketika keluar dari rumah kerana bimbang akan bahaya yang mungkin menimpa. Walaupun si anak berasa jemu dengan setiap pesanan ibu namun ibu tidak pernah berhenti berpesan. pesanannya sentiasa bertambah dari Sehari ke sehari, termasuklah pesanan agar si anak menjaga kesihatan diri.	Rangkap 4
Akhirnya penyajak mengakui bahawa ibunya lebih arif dalam menilai perkara yang baik dan yang buruk. Penyajak sambung menerima lebih banyak pesanan ibunya kerana dia tidak akan bosan mendengarnya.Penyajak sedar bahawa sempurnanya tanggungjawab seorang ibu apabila beliau dapat menyampaikan pesanan yang baik kepada anaknya.	Rangkap 5

LIVEWORKSHEETS